10 TONGGAK Remaja Hebat

Sulaiman Bin Hassim
Adlan Abd Aziz

Judul : 10 Tonggak Remaja Hebat

Disusun oleh
Sulaiman Bin Hassim

Diterbit oleh
Wazeira Centre
No.1-2 Jalan PGN 1A/1
Pinggiran Batu Caves
68100 Batu Caves
Selangor
019-2748447

Cetakan pertama 2010 @ Wazeira Centre

Pengatur Huruf & Kulit : Azmi Mamat (ifascreative@gmail.com)

Perpustakaan Negara Malaysia
Sulaiman Bin Hassim
10 Tonggak Remaja Hebat
ISBN 978-967-5503-09-2

Kandungan

PENGHARGAAN

- Ibu bapa yang melahir dan mendidik kami mengharungi kehidupan.
- Keluarga yang memahami kesibukan harian.
- Rakan sekerja yang membantu meneruskan perjuangan.
- Kenalan dan sahabat handai penyeri kehidupan
- Murid-murid dan pelajar penghias asam garam dunia pembelajaran.
- Semua yang berada di sekeliling kami berkongsi idea dan harapan.

kami hadiahkan buku ini untuk tatapan kalian....

SEBELUM KITA MULAKAN LANGKAH...

MENGAPA REMAJA?

Pasti timbul tanda tanya tentang pemilihan tajuk buku ini. Mengapa remaja? Mengapa memilih untuk menulis tentang remaja? Panjang ceritanya. Mungkin elok kita mulakan dengan beberapa peringatan untuk kita bersama:

ALAM REMAJA ALAM PERALIHAN

Sudah kita sedia maklum bahawa alam remaja merupakan alam peralihan daripada alam kanak-kanak menuju alam dewasa. Sudah pasti banyak cabaran, ujian dan perkara baru yang menanti untuk ditemui dan diharungi oleh para remaja sebelum benar-benar menjadi dewasa.

Maka timbul niat di hati untuk sama berkongsi pandangan, nasihat, cadangan dan bimbingan yang dirasakan perlu untuk menyediakan remaja melalui alam peralihan yang amat penting ini.

REMAJA BERMASALAH?

Kalau dilihat daripada sejarah atau direnung melalui media massa dan sebagainya, golongan remaja sering mendapat tempat utama. Namun seringkali kita terjumpa perkara-perkara negatif yang dilakukan oleh sebahagian remaja. Kadangkala ia menimbulkan tanggapan tidak

benar iaitu – semua remaja pasti bermasalah. Sedangkan ia tidak begitu. Remaja sememangnya boleh menjadi remaja terbaik dan positif tetapi sudah pasti perlukan kepada tunjuk ajar. Maka atas sebab itu juga kami terpanggil menyediakan buku ini.

BOLEH JADI HEBAT TETAPI BAGAIMANA?

Kami juga seperti ibu bapa dan guru yang lain inginkan remaja menjadi hebat. Kita sering dengar orang merungut tentang remaja. Terkeluarlah harapan demi harapan, keluhan demi keluhan yang biasanya dihiasi dengan kata 'sepatutnya' dan 'seharusnya'. Sering kita dengar orang mengeluh – 'kenapa remaja kita tidak jadi seperti sahabat-sahabat Nabi s.a.w. ketika remaja?'. Tetapi masyarakat yang asyik meminta dan merungut perlu juga bertanya pada diri sendiri – adakah kita pernah memberi didikan dan mengajar para remaja tentang cara dan bagaimana ingin menjadi hebat?

Remaja perlu diberi peluang dan ruang agar tidak terbuang. Bahkan remaja perlu diberi nasihat dan panduan malah ilmu tentang cara dan bagaimana ingin menjadi seorang remaja yang hebat. Di sinilah kami ingin memberikan sumbangan – kerana lebih baik menyumbang dari berdiam diri – untuk merealisasikan harapan semua – membina generasi masa depan yang gemilang melalui remaja yang hebat.

BERIKAN PELUANG SEKALI LAGI KEPADA REMAJA

Sebahagian kita gemar menuding jari mencari salah siapa. Memang kita perlu menyelidik dan menyiasat di mana salahnya sekiranya sesuatu harapan dan cita-cita tidak kesampaian. Namun jangan hanya berhenti di situ. Wujudkan harapan baru. Berikan peluang sekali lagi kepada remaja. Ajar mereka isi penting kehidupan agar jiwa mereka tidak kosong lagi. Curahkanlah ilmu dan pengalaman agar mereka tahu bangun kembali setelah jatuh.

Anggaplah buku ini sebagai penyuluh di malam yang gelap, titian di jurang yang tinggi, penawar bagi jiwa yang sengsara, minuman di kala dahaga, teman di waktu kesepian. Itulah harapan kami untuk anda, para remaja harapan umat dan dunia!

Remaja Hebat, Umat Kuat, Negara Berkat.

BIJAK MEMILIH KAWAN

Sahabat adalah ibarat
butir-butir pasir di tepi pantai,
sahabat sejati adalah ibarat mutiara
di antara butiran pasir itu....
Wahai saudaraku yang kukasihi
marilah mendidik hati nurani
supaya kelak hidup disayangi
malah hadirmu bukan dibenci
Lompat-lompat adikku,
lompat cepat-cepat,
hidup biar berilmu,
diri sentiasa selamat.
Menanam bunga di dalam pasu,
Bunga melati dan bunga pandan,
Jangan ikut hawa nafsu,
Kelak nanti binasa badan.

Melangir keris pusaka hikmat,
Keris sejarah sejak bahari,
Kalau gadis ingin selamat,
Jangan murah menjual diri.

SIAPA DAN APA ADA DI SEKELILING REMAJA?

Persekitaran remaja banyak mempengaruhi perkembangan dan pembentukan personaliti atau watak seseorang termasuklah remaja. Di antaranya ialah keluarga dan orang yang signifikan dengan mereka, pengaruh rakan sebaya dan media massa serta masyarakat di sekeliling mereka. Sebuah keluarga yang sentiasa disimbahi dan disuburi suasana kasih sayang dan harmoni, hubungan yang baik antara suami isteri serta ibu bapa dan anak-anak saling bertolak ansur dan mengambil berat, dan layanan dan pengisian masa yang berkualiti akan melahirkan personaliti yang sihat dan sentiasa bersikap positif.

Namun percanggahan, konflik, perpisahan, dan perceraian, serta keberantakan hubungan antara ibu bapa mengakibatkan hubungan yang 'tegang' dan tidak memberi keselesaan kepada ahli keluarga yang lain.

JALAN KELUAR?

Natijahnya anak-anak remaja akan mencari 'jalan keluar' dari keserabutan itu kerana naluri keremajaan mereka tidak dapat menerima situasi kelam kabut dalam persekitaran sebegitu. Apa yang mereka tahu dan inginkan ialah suasana seronok dan menghiburkan. Ditambah jika sosioekonomi keluarga di tahap sederhana dan rendah akan menyebabkan anak-anak hilang fokus terhadap pelajaran dan salah satu jalan yang mereka temui ialah mencari dan memilih rakan-rakan yang senasib dengan mereka. Bagi anak-anak golongan marhaen, jika tidak dan kurang mendapat kasih sayang dan perhatian ibu bapa, rakan sebaya adalah pilihan utama dalam mengisi kekosongan jiwa mereka.

PENGARUH RAKAN SEBAYA DAN MEDIA MASSA

Rakan sebaya sangat memainkan peranan dalam pembentukan dan perkembangan personaliti remaja. Remaja ingin dirinya diterima dalam kumpulannya lantas konsep 'peniruan' kepada perlakuan rakan sebaya sering menjerat diri jika tersalah memilih rakan. Gejala sosial yang rata-ratanya melibatkan golongan remaja yang berleluasa kini banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka. Ada juga remaja melakukan perkara yang pelik di mata orang lain semata-mata untuk menarik perhatian

mereka agar dirinya diterima. Contohnya untuk menjadi terkenal, pelajar nakal sering menyampuk semasa guru mengajar walaupun melakukan 'lawak bodoh' semata-mata untuk menarik perhatian guru dan rakan sekelasnya.

Anak-anak, khasnya remaja pada abad ke-21 ini terdedah dengan pelbagai bentuk pengaruh. Dalam dunia yang disebut sebagai "borderless world" ini banyak menyuntik unsur-unsur yang positif mahu pun yang negatif. Anak-anak lebih mudah tertawan dengan program yang membunuh sahsiah berbanding program yang menghidupkan peribadinya. Oleh itu mencari rakan yang bersifat positif memungkinkan kita menjadi sepertinya sebaliknya berkawan dengan rakan yang bersifat negatif memungkinkan kita menjadi sepertinya juga.

Satu hal yang kadang-kadang dianggap remeh oleh orang dewasa terhadap remaja ialah pada peringkat ini, remaja mula menunjukkan minat mereka terhadap rakan yang berlainan jantina. Kesan daripada sosialisasi tersebut, remaja tertarik dengan isu-isu yang berkaitan dengan dunia mereka seperti isu 'dating', seks, kerjaya masa depan dan perkahwinan. Gelodak jiwa yang tidak dibimbing dan dipandu melalui pengamalan dan penghayatan agama akan memungkinkan mereka tersasar jauh dari tuntutan akidah yang akhirnya remaja terlibat dengan dosa-dosa besar.

MASYARAKAT TERLIBAT?

Samada disedari atau tidak kebanyakan gejala sosial yang melanda remaja masa kini adalah disebabkan oleh tekanan serta permasalahan yang wujud di dalam alam persekitaran. Misalnya, pembangunan yang terlalu pesat telah mengubah cara hidup masyarakat kita. Kehidupan bermasyarakat berubah menjadi individualistik dan materialistik. Kehidupan yang bertunjangkan nafsi-nafsi telah semakin menjadi budaya seharian. Majlis perkahwinan diadakan di hotel dan berkonsepkan 'katering'. Hubungan sesama masyarakat kian longgar kerana budaya 'rewang' sudah tidak wujud lagi di mana dahulunya remaja adalah di antara mereka yang berperanan penting dalam persiapan dan sehingga habisnya majlis walimatul urus tersebut.

APA REMAJA BUAT?

Alam remaja merupakan satu fasa yang sangat kritikal bagi seseorang individu kerana pada waktu inilah seseorang itu akan menempuh pelbagai dugaan,cabaran dan godaan hidup yang kadang-kadang memerlukan mereka membuat penilaian dan keputusan sendiri dengan pemikiran yang masih belum mencapai tahap matang sepenuhnya. Natijahnya kebanyakan remaja mengambil tindakan dan keputusan bertentangan dengan ajaran agama dianuti,undang-undang negara serta norma-norma masyarakat. Antaranya seperti gejala vandalism, sumbang mahram, khalwat, zina, rogol, buang dan bunuh bayi yang tidak berdosa, jenayah ragut dan rompak, mat rempit dan lain-lain gejala sosial ciptaan remaja yang sesetengah masyarakat terkejut dan tidak menyangka semua itu dek angkara remaja kini.

Masalah sosial, keruntuhan akhlak dan kemerosotan disiplin pelajar seperti kes ponteng kelas dan ponteng sekolah, melepak di cyber café dan pusat beli belah, bergaduh, buli, melawan dan pukul guru, amat membimbangkan kerana ia turut mengundang pelbagai implikasi yang boleh meruntuhkan kestabilan negara dalam usaha melahirkan masyarakat yang produktif dan berdaya saing apatah lagi kita sedang menuju ke arah negara maju. Kita pernah dikejutkan dengan berita sekumpulan 10 mat rempit mengelar leher seorang penuntut sebuah institusi pengajian tinggi awam kerana menyelamatkan dompet dan telefon bimbitnya daripada dirompak (Harian Metro Isnin, 27 September 2010). Dipaparkan beberapa kejadian salah laku membabitkan remaja

Pesta gila

Bersekolah

'Pekan koboi' diserbu polis

Leher dikelar geng Mat Rempit

5 hari lagi

untuk renungan kita bersama.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SIAPA?

'PREVENTION IS BETTER THAN CURE' (Mencegah lebih baik dari mengubati). Ungkapan ini amat sesuai digunakan dalam membantu remaja keluar dari keserabutan mereka dalam pencarian identiti yang ideal. Di sinilah peranan ibu bapa, guru-guru, masyarakat dan pemimpin negara dalam membimbing remaja agar apabila mereka dewasa kelak dapat menyumbang kepada kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara.

Pendidikan awal oleh ibu bapa di rumah sangat besar impaknya terhadap tingkah laku dan perlakuan anak-anak apabila mereka keluar berjumpa rakan-rakan dan masyarakat. Perumpamaan masyarakat Melayu 'Melentur buluh biar dari rebungnya' dan 'Bapak borek

anak rintik' adalah salah satu cara didikan orang dahulu bagaimana penekanan terhadap pendidikan anak-anak adalah tanggungjawab yang perlu dibereskan oleh ibu bapa semenjak anak-anak kecil lagi. Malah masyarakat Melayu yang rata-ratanya menganuti agama Islam menekankan untuk membentuk sebuah keluarga bahagia, seorang lelaki hendaklah memberi keutamaan kepada gadis yang kuat pegangan agamanya dalam membuat pilihan calon isteri yang akan menjadi suri hatinya sepertimana hadis.

تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا ، فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ

Maksudnya:

Dinikahi wanita itu kerana empat perkara – kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Pilihlah dengan melihat agamanya, kamu akan bahagia.

[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

BUAT PILIHAN TEPAT!

Kebijaksanaan dalam memilih kawan rapat perlu remaja utamakan kerana jika tersalah pilih, kita yang akan merana dan menerima padahnya.

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالسَّوْءِ كَحَامِلِ الْمِسْكِ وَنَافِخِ الْكِيرِ ، فَحَامِلُ الْمِسْكِ إِمَّا أَنْ يُحْذِيَكَ ، وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً ، وَنَافِخُ الْكِيرِ إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ ثِيَابَكَ ، وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً

Maksudnya:

Perumpamaan teman yang baik dan buruk ibarat pembawa wangian dan peniup besi. Pembawa wangian mungkin akan memberikanmu wangian atau kamu akan membeli darinya atau kamu akan mendapat bau yang wangi darinya. Manakala peniup besi pula sama ada dia akan membakar pakaianmu atau kamu akan mendapat bau yang busuk

darinya.

[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

ALLAH SWT mencipta makhluk di atas muka bumi ini berpasang-pasangan. Begitu juga manusia, tidak akan dan tidak boleh hidup secara bersendirian. Manusia tidak boleh lari daripada berkawan dan menjadi kawan kepada orang lain. Jika ada manusia yang tidak suka berkawan atau melarang orang lain daripada berkawan, dia dianggap abnormal serta tidak memenuhi ciri-ciri sebagai seorang manusia yang normal.

Inilah antara hikmah, kenapa Allah SWT mencipta manusia daripada berbilang bangsa, warna kulit dan bahasa. Firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَـٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَـٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Wahai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Dalam Islam faktor memilih kawan amat dititikberatkan. Hubungan persahabatan adalah hubungan yang sangat mulia, kerana kawan atau sahabat berperanan dalam membentuk personaliti individu. Ada kawan yang sanggup bersusah-payah dan berkongsi duka bersama kita, dan tidak kurang juga kawan yang nampak muka semasa senang dan hanya sanggup berkongsi kegembiraan sahaja.

CIRI-CIRI KAWAN/SAHABAT YANG BAIK

Seorang bijak pandai berpesan kepada anak lelakinya:
"Wahai anakku, sekiranya engkau berasa perlu untuk bersahabat dengan seseorang, maka hendaklah engkau memilih orang yang sifatnya seperti berikut:

- Jika engkau berbakti kepadanya, dia akan melindungi kamu;
- Jika engkau rapatkan persahabatan dengannya, dia akan membalas balik persahabatan kamu;
- Jika engkau memerlukan pertolongan daripadanya, dia akan membantu kamu;
- Jika engkau menghulurkan sesuatu kebaikan kepadanya, dia akan menerimanya dengan baik;
- Jika dia mendapat sesuatu kebajikan (bantuan) daripada kamu, dia akan menghargai atau menyebut kebaikan kamu;
- Jika dia melihat sesuatu yang tidak baik daripada kamu, dia akan menutupnya;
- Jika engkau meminta bantuan daripadanya, dia akan mengusahakannya;
- Jika engkau berdiam diri (kerana malu hendak meminta), dia akan menanyakan kesusahan kamu;
- Jika datang sesuatu bencana menimpa dirimu, dia akan meringankan kesusahan kamu;
- Jika engkau berkata kepadanya, nescaya dia akan membenarkan kamu;
- Jika engkau merancangkan sesuatu, nescaya dia akan membantu kamu;
- Jika kamu berdua berselisih faham, nescaya dia lebih senang mengalah untuk menjaga kepentingan persahabatan;
- Dia membantumu menunaikan tanggungjawab serta melarang melakukan perkara buruk dan maksiat;
- Dia mendorongmu mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.

Sebagai remaja yang kadang-kadang terlepas daripada pandangan ibu bapa, berhati-hatilah jika memilih kawan. Kerana kawan, kita bahagia tetapi kawan juga boleh menjahanamkan kita.

JAUHI KAWAN/ SAHABAT YANG TIDAK BAIK

- Sahabat yang tamak: ia sangat tamak, ia hanya memberi sedikit dan meminta yang banyak, dan ia hanya mementingkan diri sendiri.
- Sahabat hipokrit: ia menyatakan bersahabat berkenaan dengan hal-hal lampau, atau hal-hal mendatang; ia berusaha mendapatkan simpati dengan kata-kata kosong; dan jika ada kesempatan membantu, ia menyatakan tidak sanggup.
- Sahabat pengampu: Dia setuju dengan semua yang kamu lakukan tidak kira betul atau salah, yang parahnya dia setuju dengan hal yang dia tidak berani untuk menjelaskan kebenaran, di hadapanmu ia memuji dirimu, dan di belakangmu ia merendahkan dirimu atau mengkhianati amanahmu. Bila telah di percayai, dia khianati. Bila telah di cintai, dia dustakan.
- Sahabat pemboros dan suka hiburan: ia menjadi kawanmu jika engkau suka berpesta, suka berkeliaran dan 'melepak' pada waktu yang tidak sepatutnya, suka ke tempat-tempat hiburan dan pertunjukan yang melalaikan.
- Sahabat yang membawamu semakin jauh dari Allah. Seorang yang tidak menambah kebajikanmu di dunia, lebih-lebih lagi di akhirat. Seorang yang tidak menambah manfaat kehidupanmu di akhirat, bukanlah temanmu yang sebenar. Oleh itu berhati-hatilah memilih kawan, kerana kawan boleh menjadi cermin peribadi seseorang. Berkawanlah kerana Allah untuk mencari keredhaan-Nya.[1]

1. (Dipetik dan diubah suai melalui www.rileks.info/coollist/2009/10/ciri-ciri-sahabat-yang-baik/)

MASA SEKADAR EMAS?

Perumpamaan melayu 'Masa itu emas' perlu diperluaskan pengertiannya. Jika kita menggadai emas, kita boleh menebusnya kembali, namun masa yang telah berlalu tidak mungkin boleh kita dapatkannya kembali. Justeru masa hadapan yang gemilang bukan sahaja dimiliki oleh orang yang berpendidikan malah mereka yang diasuh dan dididik untuk menggunakan masa dengan bijaksana dan semaksimum mungkin.

Ikan patin ikan parang
Pekena dengan sambal belacan
Biar kita sibuk sekarang
InsyaAllah senang-lenang kemudian

10 LANGKAH PENGURUSAN MASA EFEKTIF

Remaja perlu mengurus masa sebaik mungkin agar suatu hari nanti tidak dihantui rasa bersalah dan kekecewaan yang berpanjangan. Firman Allah SWT:

وَٱلْعَصْرِ ۝١ إِنَّ ٱلْإِنسَٰنَ لَفِى خُسْرٍ ۝٢ إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلْحَقِّ وَتَوَاصَوْا۟ بِٱلصَّبْرِ ۝٣

Maksudnya:

Demi masa., Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian, Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal saleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran.

[Surah al-Ashr – ayat 1 hingga 3]

Baca dan contohilah kejayaan manusia terkenal yang kalau diselusuri sejarah kehidupannya, sudah pasti akan kita temui salah satu faktor kejayaannya adalah mengamalkan prinsip pengurusan masa berkesan. Berikut dititipkan 10 langkah pengurusan masa efektif:

1. Rancang Hidup Anda

Biasakan tanya diri sendiri;

1.1 Apa yang boleh aku buat untuk mengisi masa lapangku?

1.2 Adakah yang aku buat baik untuk diriku?

1.3 Sebenarnya satu masa nanti aku nak jadi apa?

1.4 Apa lagi yang belum selesai aku lakukan?

Setiap apa yang kita lakukan dan mengikut perancangan yang strategik dan mengikut masa yang ditetapkan sudah tentu pasti akan membuahkan hasil yang terbaik.

2. Fokus apa yang kita sedang laksanakan

Melakukan banyak perkara sekaligus akan menjejaskan kualiti. Melatih diri memberi tumpuan kepada satu perkara dalam jangka masa ditetapkan dan melaksanakannya sehabis baik adalah langkah terbaik

dan perlu menjadi amalan remaja. Berikut adalah salah satu contoh bagaimana pelajar boleh mendapatkan jumlah jam masa senggang/ lapang untuk membuat jadual belajar sendiri:

	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
5-6 pagi							
6-7							
7-8							
8-9							
9-10							
10-11							
12-1 ptg							
1-2							
2-3							
3-4							
4-5							
5-6							
6-7							
7-8 mlm							
8-9							
10-11							
11-12							
12-1 pagi							
1-2							
2-3							
3-4							
4-5							
Jumlah waktu belajar							

Jadual Waktu Belajar Sendiri

3. Tidak bertangguh

Amalan bertangguh membawa padah. Kerja akan menjadi bertambah serta akan mengusutkan fikiran. Hindari sikap bertangguh kerana ianya akan menyebabkan setiap kerja yang dihasilkan kurang berkualiti.

4. Agih tugasan

Kerja yang ditugaskan perlu diagihkan mengikut keutamaan. Utamakan yang penting, sederhana penting dan tidak penting agar semuanya dapat dibereskan dalam waktu yang ditetapkan.

5. Usah jadi 'perfectionist'

Ada perbezaan di antara berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat hasil terbaik dengan bermati-matian mengejar 'kesempurnaan'. Cara pertama dapat dicapai dan memberi kepuasan sementara cara kedua kebiasaannya mustahil, mengakibatkan kekecewaan dan gangguan jiwa serta pembaziran waktu yang sia-sia.

6. Tegas dan bertindak secara rasional

Belajar dab berlatih berkata 'TIDAK' kepada ajakan rakan yang boleh menjerumuskan kita kepada pembaziran waktu dan tersasar matlamat sebenar dengan penuh berhikmah dan bijaksana.

7. Jauhi persekitaran yang berkecamuk

Membiarkan tempat belajar berselerak akan mengakibatkan fikiran dan minda menjadi berserabut dan boleh mengganggu tumpuan.

8. Penilaian dan penambahbaikan

Setiap tugasan yang telah selesai dilaksanakan perlu disusuli dengan penilaian dan ianya membantu kita lebih bersemangat untuk melakukan penambahbaikan dalam tugasan seterusnya.

9. Rehat

Keperluan berehat seketika penting dalam konteks penggunaan waktu yang efektif . Ianya untuk mengurangkan ketegangan fizikal dan minda supaya kita kembali produktif.

10. Hidup biar bermakna

Tumpuan berlebihan terhadap tugasan dan kerja yang menimbun perlu diselitkan masa berkualiti yang sangat penting untuk diri sendiri seperti bergaul dengan rakan dan bersama keluarga tercinta.

Menyorot kembali kepada teori punca salah laku dan masalah pelajar menjadi panduan kepada kita dalam membantu mendisiplinkan remaja.

- Teori fungsionalisme menjelaskan devian(tingkah laku songsang yang tak diterima dalam masyarakat) ialah disfungsi kepada struktur sosial.
- Teori konflik mentafsirkan devian merupakan tindakan golongan tertindas terhadap pihak minoriti yang menindas.
- Teori subbudaya dan deprivasi status pula berpendapat devian berpunca daripada budaya kumpulan yang berbeza dengan budaya masyarakat besar. Deprivasi selalu berpunca daripada kekurangan ekonomi dan kelemahan emosi. Remaja terutamanya daripada latar belakang kelas sosial rendah yang tidak berjaya dalam akademik mengalami kekecewaan dan tekanan status lalu bertindak melakukan devian.
- Teori interaksionisme melihat devian sebagai sesuatu yang subjektif dan merupakan suatu proses sosial. Pelajar sengaja memilih tingkah laku tertentu mengikut kemahuan mereka yang sesuai dengan cara mereka menginterpretasi sesuatu.

  Kajian Tattum (1986) mendapati bahawa pelajar sengaja melakukan devian sebagai teknik neutralisasi dalam interaksi mereka. Menurut Merton (1938) ada 4 jenis devian iaitu:
- Inovasi- suatu cara memenuhi matlamat dengan cara yang salah

- Ritual- tindakan mengulangi perbuatan
- Undur- tidak berminat dengan matlamatnya lalu melakukan alternative lain sebagai tindakan dan
- Menentang- menolak matlamat persekolahan dan menggantikannya dengan matlamat lain.

Pendedahan oleh media cetak melalui penemuan mahu pun pengakuan remaja itu sendiri, masalah sosial pelajar yang majoritinya terdiri daripada golongan remaja seperti penagihan dadah, seks bebas dan jenayah seksual, samseng dan gangsterisme, ponteng sekolah sudah sampai ke kemuncaknya. Sekiranya ianya tidak dibanteras dan laksanakan pemulihan sejak dari awal lagi, negara akan kehilangan aset yang paling berharga kerana merekalah tonggak peneraju negara pada masa depan.

Dalam menangani isu remaja bermasalah, jangan pula kita menuding jari kepada orang lain atas kesilapan lampau tetapi semua pihak perlu muhasabah diri dan sama-sama mencari jalan penyelesaian. Ibu bapa, pentadbiran dan guru-guru di sekolah dan institusi pengajian tinggi, masyarakat dan pihak pemerintah perlu berganding tenaga mengkaji dan merancang satu mekanisme terbaik dalam menangani isu-isu yang ditimbulkan oleh para remaja. Formula dan strategi pendidikan yang sesuai perlu dicipta bagi menghasilkan generasi yang berwibawa dan mampu bersaing dalam konteks globalisasi didorong oleh mekanisme sains dan teknologi.

CADANGAN MENDISIPLINKAN REMAJA SUPAYA JADI HEBAT!

1. Penekanan yang berterusan dalam pendidikan agama
2. Pengamalan dan penghayatan fardhu ain dan fardhu kifayah dengan pemantauan daripada ibu bapa
3. Pendidikan keibubapaan diperluaskan
4. Peruntukan masa berkualiti bersama anak-anak
5. 'Mesyuarat keluarga' seminggu sekali
6. Jadikan anak sebagai teman rapat
7. Kenali siapa rakan anak-anak
8. Keseimbangan dan tanggungjawab sosial perlu dipulihkan

9. Semua pihak mesti amalkan sikap mesra, berbudi bahasa dan hormati maruah
10. Usah menangani masalah 'keras' dengan tindakan yang keras kerana risikonya sangat tingi
11. Amalkan sikap menang-menang (win-win situation)
12. Fahami psikologi dan naluri remaja.
13. Jangan dikasari, dicabar, ditengking, dimalukan dan dibohongi (remaja akan bersikap liar, panas baran, drastik dan melawan).
14. Beri perhatian, berbincang, didampingi dan tunjukkan contoh teladan yang baik
15. Rangka dan laksanakan program jati diri remaja
16. Hukuman tegas kepada pesalah juvenil dan pemulihan akhlak yang berterusan

PERANAN REMAJA

Peranan golongan remaja tidak dinafikan kerana mereka merupakan pewaris yang akan menentukan hala tuju masa depan negara. Mereka mempunyai pengaruh besar terhadap keadaan sosial, politik dan ekonomi. Merekalah yang akan memegang tampuk pentadbiran, penggerak ekonomi dan pembangun generasi akan datang.
Mencorakkan mereka adalah tanggungjawab semua samada pihak ibu bapa, masyarakat mahupun pemimpin negara namun remaja hebat lahir dari didikan awal oleh ibu bapa di rumah sepertimana sebuah hadis ingatan untuk semua ibu bapa ..

كُلُّ مَوْلُودٍ يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ
أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Maksudnya:

Setiap anak dilahirkan di atas fitrah (kesucian). Maka ibu bapanyalah yang menjadikannya sama ada Yahudi, Kristian atau Majusi.
[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Pengurus kewangan yang berjaya

Isu pemberi pinjaman wang persendirian atau lebih popular dikenali sebagai 'along' sangat popular di kalangan rakyat negara ini dan mangsanya termasuk di kalangan remaja namun mereka tetap mengambil risiko dengan meminjam wang daripada golongan tersebut. Sebenarnya terdapat pelbagai produk kewangan di pasaran yang membolehkan kita mengurus kewangan secara bijak dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pemberi pinjaman wang persendirian.

Kita fokuskan kepada kaedah berkesan dalam menyampaikan serta mendidik remaja tentang pengurusan kewangan yang bijak. Diharapkan dengan penumpuan terhadap pendidikan kewangan pada peringkat remaja, ilmu yang diterima dapat diamalkan secara terus menerus sepanjang hayat.

BELANJA SAKAN ATAU MENABUNG

Golongan remaja sama ada yang masih belajar atau telah bekerja perlu mengimbangkan antara keperluan menabung untuk masa depan dan juga kehendak untuk berbelanja. Mungkin ayat berikut mampu memberikan sedikit gambaran bagaimana remaja bahkan sesiapa sahaja perlu berhati-hati dan bersederhana ketika berbelanja:

وَالَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُواْ لَمْ يُسْرِفُواْ وَلَمْ يَقْتُرُواْ وَكَانَ بَيْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kedekut, dan adalah (perbelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian.

[Surah al-Furqaan – ayat 67]

Menerusi ayat ini kita dapati satu panduan yang amat penting iaitu kita perlu bersederhana dan berhemat dalam berbelanja. Maka remaja seharusnya mengimbangkan antara keperluan berbelanja dan juga kelebihan menabung. Sudah pasti para remaja seringkali tergoda dengan pelbagai tawaran menarik di pusat-pusat membeli belah dan sebagainya. Ini akan menguji sejauh mana remaja bijak memilih antara perbelanjaan yang benar-benar diperlukan atau sekadar memenuhi selera dan nafsu membeli.

PELAJARI ILMU PENGURUSAN KEWANGAN

1- Remaja perlu menambah pengetahuan tentang pengurusan kewangan yang bijak. Buku-buku berkaitan pengurusan kewangan mesti dibaca dan difahami untuk diaplikasikan dalam kehidupan.

2- Hadiri seminar-seminar berkaitan pengurusan kewangan untuk mendapatkan nasihat daripada pakar-pakar kewangan sendiri. Melalui pembacaan dan kajian, remaja seharusnya tahu apakah perkhidmatan dan sistem yang paling sesuai untuk membuat penabungan atau pelaburan. Jangan hanya bergantung kepada keluarga dalam pengurusan kewangan. Namun selidikilah dan pelajarilah sendiri bagaimana ingin melakukannya. Remaja hebat perlu bijak bersedia untuk masa depan dan pengurusan kewangan adalah salah satu faktor penting yang perlu dikuasai olehnya.

3- Malah kalau diteliti dengan lebih dekat, remaja yang melalui

zaman persekolahan sudah pun didedahkan dengan kemahiran-kemahiran asas dalam menguruskan kewangan. Subjek-subjek seperti Matematik, Prinsip Akaun, Perdagangan, Kemahiran Hidup dan sebagainya amat membantu dalam melahirkan seorang remaja yang hebat dalam menguruskan kewangannya.

4- Seeloknya remaja juga digalakkan agar berani mencuba untuk menceburi bidang perniagaan walaupun sekadar kecil-kecilan atau bermusim. Ini akan memberikan pengalaman berharga tentang cara praktikal menguruskan perbelanjaan dan kewangan diri. Bagi mereka yang berada di sekolah atau pusat-pusat pengajian, maka manfaatkanlah hari-hari tertentu seperti Hari Terbuka, Hari Usahawan, Hari Graduasi dan sebagainya untuk berniaga.

5- Ilmu pengurusan kewangan kini boleh didapati dengan mudah dalam internet. Pencarian bijak dapat menemukan remaja dengan ilmu pengurusan yang hebat melalui program-program dan laman web tertentu. Malah kita boleh berinteraksi dengan pelbagai pihak dari seluruh dunia untuk memantapkan lagi ilmu sedia ada.

PERANAN IBU BAPA

Ibu bapa wajar memainkan peranan semaksimum mungkin dalam membantu remaja menguruskan kewangan mereka. Ketika di alam remaja, ibu bapa seharusnya berhati-hati dalam memberikan kebebasan kewangan tanpa pemerhatian dan pengawasan.

Ada di kalangan ibu bapa yang melimpahkan segala kekayaannya kepada anak-anak remaja sehinggakan mereka tidak tahu menghargai nikmat yang diberi. Ini merupakan pembaziran yang amat dibenci oleh Islam sebagaimana kita tahu menerusi ayat berikut:

وَءَاتِ ذَا ٱلْقُرْبَىٰ حَقَّهُۥ وَٱلْمِسْكِينَ وَٱبْنَ ٱلسَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا ﴿٢٦﴾ إِنَّ ٱلْمُبَذِّرِينَ كَانُوٓا۟ إِخْوَٰنَ ٱلشَّيَٰطِينِ ۖ وَكَانَ ٱلشَّيْطَٰنُ لِرَبِّهِۦ كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Maksudnya:

Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang dekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros.

Sesungguhnya pemboros-pemboros itu adalah Saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar kepada Tuhannya.

[Surah al-Israa' – ayat 26 dan 27]

Pembaziran akan meninggalkan kesan yang amat mendalam dalam diri remaja. Mereka pasti sukar untuk menguruskan kewangan dengan baik setelah diri mereka semakin meningkat ke alam dewasa.

Ibu bapa seharusnya menjadi tempat rujukan untuk anak-anak remaja mempelajari bagaimana mereka harus bersedia untuk masa depan. Bukanlah niat untuk mendidik anak-anak menjadi kedekut dan tangkai jering, tapi biarlah anak-anak dapat sekurang-kurangnya mewarisi sifat berhat-hati dalam berbelanja. Sifat berhati-hati dan cermat ini bakal memelihara mereka di alam dewasa nanti apabila mereka tidak lagi bergantung kepada sesiapa melainkan kepada diri mereka sendiri.

Gunung Daik nampak berjajaran,
Nampak dari segala pekan,
Jikalau baik ambil akan pelajaran,
Jikalau jahat segera buangkan.

Nasihat dalam bab ini menjurus kearah melahirkan remaja yang berilmu dan berkemahiran dalam pelbagai bidang. Namun caranya hanya satu – remaja perlu sentiasa mencari ilmu dan belajar. Tiada cara lain dan tiada jalan pintas melainkan itu sahaja. Ilmu dan kemahiran tidak datang bergolek serta tidak datang sekelip mata.

TIADA KEAJAIBAN DALAM MENCARI ILMU

Anda tidak boleh sama sekali belajar dengan cara yang mudah. Kenapa? Kerana memang itulah lumrah dunia ilmu dan itulah alam yang telah diciptakan dengan undang-undang dan peraturan Tuhan. Mungkin anda pernah mendengar tentang ubat tertentu atau air tertentu yang dijampi atau diproses untuk anda mudah mendapat ilmu? Ternyata ramai yang mengamalkannya tetapi masih tidak mudah untuk belajar. Mengapa? Kerana mereka mengimpikan sesuatu yang mustahil – mendapat ilmu dengan keajaiban semata-mata.

Manfaatkan bahan bacaan untuk menambahkan ilmu

SELAGI HIDUP ILMU PERLU DICARI

Kehidupan tanpa ilmu adalah satu kehidupan yang seakan mati. Kalau kehidupan kita tidak dihiasi dengan ilmu, ia akan menjadi kehidupan yang tidak bermakna.

Terdapat sebahagian remaja yang menganggap bahawa ilmu pengetahuan hanya cukup setakat alam persekolahan atau cukup setakat menyambung di institut pengajian tinggi. Ini tidak tepat dan tidak patut berlaku. Pembelajaran dan menuntut ilmu sepatutnya tiada titik noktah berhenti. Salah seorang pemimpin tentera terkemuka dari Amerika Syarikat pada sekitar tahun 1800, Robert E. Lee pernah berkata:

"The education of a man is never complete until he dies."

Maksudnya:

Pembelajaran seseorang itu tidak pernah sempurna sehinggalah dia mati.

Seorang tokoh Islam terkemuka di Amerika Syarikat sekitar tahun 1950an, Malcolm X pernah menasihati kita dengan katanya:

"Without education, you're not going anywhere in this world."

Maksudnya:

Tanpa pendidikan, kamu tidak akan ke mana-mana di dunia ini.

Terdapat satu pepatah Arab yang sering kita dengari:

اطلب العلم من المهد إلى اللحد

Maksudnya:

Tuntutlah ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad.

Sememangnya manusia tidak boleh berhenti dari belajar atau menuntut ilmu. Remaja seharusnya menjadi seorang yang dahagakan ilmu. Seseorang yang dahagakan ilmu tidak akan berhenti menuntut ilmu pada satu tahap sahaja. Malah dia akan berusaha mencari ilmu di mana sahaja dan bila-bila masa sahaja mempunyai peluang.

ILMU APA YANG PERLU DICARI?

Remaja perlu menetapkan matlamat agar ilmu yang dimilikinya benar-benar berguna untuk diri dan masyarakat. Apakah ilmu yang patut dimiliki oleh remaja?

Dari kaca mata Islam, ilmu terbahagi kepada dua: Ilmu tentang agama dan ilmu tentang keduniaan. Kedua-duanya adalah penting dalam kehidupan kerana dengan ilmu agama, kita disayangi Tuhan, dan dengan ilmu dunia kita dapat hidup sempurna dan berbakti untuk manusia. Berkata sebahagian ahli ilmu:

> *"Sesiapa yang inginkan kebaikan di dunia, hendaklah dia berilmu. Sesiapa yang inginkan kebaikan di akhirat, hendaklah dia berilmu. Sesiapa yang inginkan kebaikan pada dunia dan akhirat, hendaklah dia berilmu"*

Pendek kata, ilmu yang perlu diperolehi oleh remaja mempunyai dua ciri yang dapat diringkaskan seperti berikut:

1- Berfaedah untuk diri sendiri.
2- Bermanfaat untuk diajarkan kepada orang lain.

KEMULIAAN ORANG BERILMU

Di dalam Al-Quran, kita dapati ayat-ayat yang meletakkan kedudukan orang berilmu pada martabat yang mulia dan tinggi. Di antaranya ialah seperti berikut:

Di dalam surah Ali Imran:

شَهِدَ ٱللَّهُ أَنَّهُۥ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ وَأُو۟لُوا۟ ٱلْعِلْمِ
قَآئِمًۢا بِٱلْقِسْطِ ۚ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Allah menyatakan bahwasanya tidak ada Tuhan melainkan dia (yang berhak disembah), yang menegakkan keadilan. para malaikat dan orang-orang yang berilmu (juga menyatakan yang demikian itu). tak ada Tuhan melainkan dia (yang berhak disembah), yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Di dalam surah al-Mujadilah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قِيلَ لَكُمۡ تَفَسَّحُواْ فِي ٱلۡمَجَٰلِسِ فَٱفۡسَحُواْ يَفۡسَحِ ٱللَّهُ لَكُمۡۖ وَإِذَا قِيلَ ٱنشُزُواْ فَٱنشُزُواْ يَرۡفَعِ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنكُمۡ وَٱلَّذِينَ أُوتُواْ ٱلۡعِلۡمَ دَرَجَٰتٖۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ﴿١١﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang beriman apabila kamu dikatakan kepadamu: "Berlapang-lapanglah dalam majlis", Maka lapangkanlah niscaya Allah akan memberi kelapangan untukmu. dan apabila dikatakan: "Berdirilah kamu", Maka berdirilah, nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat. dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Di dalam surah al-Ankabut:

وَتِلۡكَ ٱلۡأَمۡثَٰلُ نَضۡرِبُهَا لِلنَّاسِۖ وَمَا يَعۡقِلُهَآ إِلَّا ٱلۡعَٰلِمُونَ ﴿٤٣﴾

Maksudnya:

Dan perumpamaan-perumpamaan Ini kami buat untuk manusia; dan tiada yang memahaminya kecuali orang-orang yang berilmu.

PESANAN RASULULLAH S.A.W. TENTANG ILMU

Terdapat banyak hadith-hadith daripada Rasulullah s.a.w. yang menegaskan tentang kepentingan ilmu dan kelebihan mereka yang menuntut ilmu. Berikut adalah beberapa contoh hadith tersebut:

مَنْ يُرِدِ اللهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ

Maksudnya:Sesiapa yang Allah inginkan kebaikan pada dirinya, Allah jadikan dirinya faqih (berilmu) tentang agama. [Riwayat al-Bukhari]

وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللهُ لَهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksudnya:
Dan sesiapa yang melalui jalan mencari ilmu padanya, Allah mudahkan untuknya jalan menuju syurga.
[Riwayat Muslim]

MENUNTUT ILMU DI ZAMAN SERBA CANGGIH

Proses menuntut ilmu di zaman moden ini serba canggih. Di samping menuntut ilmu secara formal dan biasanya dilakukan dengan berguru – sama ada di sekolah atau institusi lain – kita juga sebenarnya boleh menambah ilmu dengan cara lain. Di antaranya ialah seperti:

1- Membaca bahan bacaan bermanfaat – buku, majalah, risalah atau apa sahaja yang dibaca hendaklah dipilih dengan baik dan dibaca dengan teliti. Tidak perlu membaca bahan yang tebal-tebal, tetapi mulakan dengan bahan yang nipis dan mudah diperolehi.

2- Melayari internet – walaupun sebahagian masyarakat

menekankan bahawa di dalam internet terdapatnya unsur-unsur negatif, kita perlu akui bahawa unsur positif lebih banyak terutamanya tentang maklumat dan ilmu pengetahuan. Terdapat terlalu banyak laman web bermanfaat yang boleh kita layari untuk menambahkan informasi dan ilmu.

3- Perbualan bersama rakan – apa yang penting ialah kita berkawan dengan pelbagai jenis manusia. Maka dengan ini kita dapat memperolehi pelbagai ilmu dan kemahiran secara tidak rasmi dan tidak langsung. Malah ilmu dan kemahiran yang diperolehi sebegini kadangkala bertahan lama dan lebih berguna untuk jangka masa yang panjang.

4- Bertanya kepada yang mengetahui jika ada sebarang kemusykilan – terkadang dengan bertanya kita dapat mempelajari ilmu dan mengetahui maklumat yang lebih banyak berbanding dengan cara yang rasmi. Ini kerana manusia yang bertanya mempunyai kadar tumpuan yang lebih tinggi berbanding manusia yang tidak mempunyai persoalan di dalam fikirannya. Apabila soalan yang bernas ditanyakan kepada mereka yang pakar dalam bidang berkaitan, maka kebiasaannya jawapan yang diberikan akan membawa ilmu yang berguna dan maklumat yang lebih.

5- Menonton televisyen atau mendengar radio – media seperti televisyen dan radio sering dianggap sebagai medium hiburan semata-mata. Sedangkan dengan penggunaan yang bijak, keduanya merupakan 'guru' yang bakal mengajar kita pelbagai ilmu dan pengetahuan baru malah berguna untuk kita dalam [illegible]pan. Ini ditambah lagi dengan wujudnya rangkaian [illegible]g [illegible] memberikan kita maklumat dan ilmu [illegible] [illegible]perti Discovery, [illegible]onal Geographic dan seba[illegible]

Remaja yang hebat perlu menjaga hubungannya dengan manusia. Dia perlu bergaul dan berkomunikasi dengan baik bersama sesiapa sahaja. Namun begitu remaja perlu tahu bahawa di antara manusia yang paling penting dalam hidupnya ialah – keluarganya sendiri.

Kenapa keluarga? Terlalu banyak sebab kenapa kita perlu menjaga hubungan baik dengan keluarga. Malah setiap remaja sudah pun tahu kepentingan keluarga dalam hidup mereka. Tetapi kenapa ada sahaja remaja yang mempunyai masalah dengan keluarga? Kenapa masih ramai remaja yang tidak mesra malah bersengketa dengan darah daging mereka sendiri? Inilah yang berlaku dan terus berlaku pada zaman ini.

TANPA KASIH KELUARGA, REMAJA TIDAK AKAN BAHAGIA

Eva Burrows, salah seorang Jeneral terkemuka di Australia pernah menggambarkan kehebatan kasih keluarga dengan katanya:

> *"Dalam kehidupan berkeluarga, kasih sayang ialah minyak yang melicinkan geseran, ia adalah simen yang mengikat anggota lebih rapat dan irama lagu yang memberikan keharmonian."*

Percayalah, remaja yang tidak menjaga hubungannya dengan keluarga dan tidak mengasihi mereka pasti tidak akan bahagia walaupun dirinya memiliki segala-galanya. Ini disebabkan keluarga merupakan tempat asalnya dan punca kehidupan bagi dirinya. Keluarga itu jugalah darah dagingnya dan manusia paling hampir dengannya di dalam alam ini. Kalau anda sebagai anak tidak mampu untuk mesra dengan ibu dan ayah, pasti dalam diri anda akan ada kekurangan dan kekosongan. Kalau anda sebagai adik atau abang tetapi tidak menjaga hubungan dengan adik beradik darah daging anda sendiri, pasti tidak akan ada ketenangan dalam hati.

Lihatlah sebahagian remaja pada hari ini yang mengabaikan keluarga. Apa jadi pada mereka? Apabila keluarga ditinggalkan dan tidak dikasihi, pelbagai urusan dalam hidup serba tidak menjadi. Ada yang terlibat dalam jenayah dan salah laku manakala sebahagian yang lain pula hidup dalam keadaan jiwa tertekan dan tidak bahagia.

PENTINGNYA IKATAN KASIH KELUARGA

Salah seorang ahli falsafah terkemuka, Confucius pernah mengungkapkan kata-kata berikut:

> *"Untuk membetulkan dunia, kita mesti membetulkan negara. Untuk membetulkan negara, kita mesti membetulkan keluarga."*

Begitulah peri pentingnya ikatan kekeluargaan dalam membina kehidupan yang baik. Apabila ikatan kekeluargaan tidak teratur dan pincang, kesannya bukan sahaja akan dirasai oleh anggota keluarga itu sahaja, malah kesannya akan membawa kepada anggota lain dalam masyarakat dan negara. Begitu juga kesannya bukannya dalam tempoh masa yang singkat, malah kesannya mungkin seumur hidup!

HARGAI MEREKA SELAGI MEREKA MASIH HIDUP

Sekiranya anda seorang remaja yang masih mempunyai ibu, ayah dan keluarga, hargailah mereka. Berbuat baiklah kepada mereka selagi mereka masih hidup. Jangan tunggu sehingga mereka meninggal dunia kerana pada detik itu anda pasti akan menyesal dan kecewa. Mengapa anda perlu tunggu hingga waktu itu? Hargailah mereka ketika dan saat ini ketika mereka masih hidup dan menunggu-nunggu kasih sayang anda.

Mungkin ada di antara mereka yang pernah melakukan kesilapan dan kesalahan terhadap anda. Tetapi fikirkanlah bahawa mereka itu keluarga anda sendiri. Tidak ada manusia lain yang boleh menggantikan kedudukan mereka sebagai keluarga anda. Maka maafkanlah kesilapan itu dan layanilah mereka dengan kasih dan sayang. Jika tersalah, mohonlah ampun dan maaf dari mereka kerana kasih keluarga amat penting untuk membentuk remaja yang berjaya.

IBU BAPA TUNJANG UTAMA

Dalam Al-Quran, Allah SWT meletakkan perintah berbuat baik kepada kedua ibu dan bapa selepas perintah menyembaNya. Ini menunjukkan betapa penting dan besarnya kedudukan ibu dan ayah dalam hidup seseorang manusia:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّآ إِيَّاهُ وَبِٱلْوَٰلِدَيْنِ إِحْسَـٰنًا ۚ
إِمَّا يَبْلُغَنَّ عِندَكَ ٱلْكِبَرَ أَحَدُهُمَآ أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا
تَقُل لَّهُمَآ أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُل لَّهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Maksudnya:

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, Maka sekali-kali janganlah

kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu mengherdik mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.

[Surah al-Israa' – ayat 23]

Melalui ayat ini kita dapat memahami beberapa perkara penting:

1) Berbuat baik kepada ibu dan bapa bukanlah semata-mata kerana mereka berjasa kepada kita. Tetapi kita melakukannya pertama sekali kerana ia perintah Tuhan dan ia perintah yang amat jelas disebutkan dalam Al-Quran.
2) Perkataan 'Ihsan' yang digunakan di dalam ayat itu menggambarkan kita perlu melakukan yang 'terbaik' untuk mereka semampu mungkin.
3) Perkataan 'ah' atau dalam Bahasa Arab 'uff' merupakan isyarat bahawa kita dilarang mengecewakan ibu bapa walaupun sekecil-kecil kata dan perbuatan.
4) Suruhan mengucapkan kata-kata yang 'mulia' bukanlah bermaksud kita tidak boleh menegur atau menasihat mereka, tetapi lakukanlah ia dengan kata-kata yang baik dan dalam keadaan memuliakan mereka.

Kita semua tahu bahawa Islam amat mementingkan hubungan baik dengan ibu dan bapa sehingga ke tahap kita wajib memuliakan mereka walaupun mereka berlainan agama dengan kita. Hayatilah firman Allah SWT seperti berikut:

وَوَصَّيۡنَا ٱلۡإِنسَـٰنَ بِوَٰلِدَيۡهِ حَمَلَتۡهُ أُمُّهُۥ وَهۡنًا عَلَىٰ وَهۡنٖ
وَفِصَٰلُهُۥ فِي عَامَيۡنِ أَنِ ٱشۡكُرۡ لِي وَلِوَٰلِدَيۡكَ إِلَيَّ
ٱلۡمَصِيرُ ﴿١٤﴾ وَإِن جَٰهَدَاكَ عَلَىٰٓ أَن تُشۡرِكَ بِي مَا
لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٞ فَلَا تُطِعۡهُمَاۖ وَصَاحِبۡهُمَا فِي

ٱلدُّنْيَا مَعْرُوفًا ۖ وَٱتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَىَّ ۚ ثُمَّ إِلَىَّ مَرْجِعُكُمْ فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٥﴾

Maksudnya:
Dan kami perintahkan kepada manusia (berbuat baik) kepada dua orang ibu- bapanya; ibunya telah mengandungnya dalam keadaan lemah yang bertambah- tambah, dan menyusunya dalam dua tahun. bersyukurlah kepadaKu dan kepada dua orang ibu bapamu, Hanya kepadaKulah kembalimu.
Dan jika keduanya memaksamu untuk mempersekutukan dengan Aku sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, Maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan bergaullah dengan keduanya di dunia dengan baik, dan ikutilah jalan orang yang kembali kepadaKu, Kemudian hanya kepadaKulah kembalimu, Maka Aku akan beritakan kepadamu apa yang telah kamu lakukan.

[Surah Luqman – ayat 14 dan 15]

Ingatlah juga pesanan Rasulullah s.a.w ketika mana seorang lelaki bertanya kepada Baginda tentang orang yang paling berhak mendapat layanan baik dari dirinya:

Buat para remaja yang masih mempunyai ibu dan bapa, ingatlah kandungan dan ajaran ayat Al-Quran di atas. Kalaulah sekiranya kedua ibu bapa tidak beriman pun masih lagi kita disuruh berbuat baik kepada mereka, apatah lagi sekiranya mereka beriman?

جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ - صلى الله عليه وسلم - فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ أَحَقُّ بِحُسْنِ صَحَابَتِى قَالَ « أُمُّكَ » . قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ « أُمُّكَ » . قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ « أُمُّكَ » . قَالَ ثُمَّ مَنْ قَالَ « ثُمَّ أَبُوكَ »

Maksudnya:

Seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w. lalu berkata: Wahai Rasulullah, siapakah yang paling berhak mendapat layanan baik dariku? Baginda berkata: Ibumu. Lelaki itu berkata: kemudian siapa? Baginda bersabda: Ibumu. Lelaki itu berkata lagi: kemudian siapa? Baginda menjawab: Ibumu. Lelaki itu terus berkata: kemudian siapa? Baginda menjawab: Ayahmu.
[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

BUAT MEREKA YANG KEHILANGAN ORANG TERSAYANG

Kita menyedari bahawa dalam kalangan remaja terdapat mereka yang kehilangan orang yang tersayang dalam keluarga. Ada yang kematian ibu dan ayah, ada yang terpisah dari keluarga dan ada pula yang tidak tahu siapakah keluarga mereka. Keadaan sebegini sememangnya wujud dalam masyarakat. Kepada mereka, saya suka memberikan nasihat berikut:

1- Curahkanlah kasih dan sayang kepada ahli keluarga yang masih ada. Jika tiada ibu, maka curahkan pada ayah. Jika tiada ibu dan ayah, curahkan pada abang, adik dan kakak.
2- Sentiasalah doakan kebahagiaan dan kesejahteraan ahli keluarga yang telah meninggalkan kita.
3- Tabahkan hati dengan melihat ke depan dan sentiasa berpandangan positif.
4- Dapatkan kawan-kawan yang baik dan positif yang dapat membantu kita mengharungi hidup dengan baik.

Mengimbangi rohani dan jasmani

Dalam membentuk peribadi remaja yang hebat, keseimbangan dan kesederhanaan amat penting. Di antara perkara yang perlu diberikan perhatian yang seimbang ialah keperluan jasmani dan rohani, atau mental dan fizikal. Kekurangan dalam salah satu daripada dua aspek ini akan mengganggu kehidupan dan akan menyebabkan tekanan dalam diri remaja.

Terdapat sepotong ayat di dalam Al-Quran yang menyifatkan umat Islam sebagai umat pertengahan iaitu umat yang seimbang:

وَكَذَٰلِكَ جَعَلْنَٰكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا۟ شُهَدَآءَ عَلَى
ٱلنَّاسِ وَيَكُونَ ٱلرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ۗ

Maksudnya:

Dan demikian (pula) kami Telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu.

[Surah al-Baqarah – ayat 143]

FIZIKAL YANG SIHAT DAN KUAT

Kita semua tahu bahawa untuk mencapai kejayaan dalam hidup, manusia perlukan kesihatan dan kekuatan fizikal. Diri yang sihat dan kuat akan membantu melahirkan pemikiran yang mantap dan cerdas. Maka seorang remaja perlu mempunyai perancangan yang rapi dalam menjaga kesihatan dan kekuatan tubuh badannya. Ini menuntut remaja agar memiliki gaya hidup yang sihat.

Di dalam sebuah hadith, kita dapati Rasulullah s.a.w. telah memberikan nasihat yang amat baik untuk kita:

الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ
وَفِي كُلٍّ خَيْرٌ

Maksudnya:

Orang beriman yang kuat lebih baik dan lebih disayangi oleh Allah berbanding orang beriman yang lemah, (namun begitu) pada keduanya ada kebaikan.

[Riwayat Muslim]

Dalam mencapai kekuatan fizikal dan kesihatan, remaja perlu memahami keperluan yang mesti ada untuk mencapai tahap tersebut.

GAYA HIDUP SIHAT

Kesihatan merupakan perkara asas dalam memiliki fizikal yang kuat dan mantap. Ia bukanlah satu perkara mustahil tetapi ia perlukan kepada disiplin dan kesungguhan yang tinggi dalam diri. Menurut Portal MyHEALTH yang dibangunkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, gaya hidup sihat mempunyai kuncinya seperti berikut:

a- Makan secara sihat

b- Tidak merokok

c- Lakukan aktiviti fizikal

d- Belajar menangani stress

Sekiranya keempat-empat perkara di atas diberikan perhatian yang sepatutnya, kita sememangnya mampu untuk mengembangkan lagi kemampuan fizikal malah kecerdasan akal dan fikiran.

AKAL DAN ROHANI YANG STABIL

Selain memiliki fizikal yang sihat dan cergas, remaja juga perlu mementingkan aspek akal dan rohani agar dalam dirinya wujud kekuatan semangat dan keazaman yang tidak mudah goyah. Akal yang cerdas memerlukan ilmu dan pemikiran yang positif. Manakala jiwa dan rohani perlukan ketenangan dan hubungan yang erat dengan Tuhan agar ia dapat bertahan melalui cabaran dalam kehidupan.

Terdapat beberapa cara untuk kita memantapkan akal dan rohani agar ia memiliki kekuatan dan mampu melalui kesusahan dan kepayahan hidup:

1- Sentiasa berusaha menambahkan ilmu dan maklumat berguna sama ada melalui pembacaan atau pembelajaran.
2- Bergaul dan bersahabat dengan mereka yang mempunyai pemikiran positif.
3- Mengeratkan hubungan dengan Tuhan melalui ibadat serta doa.
4- Menjaga hubungan dengan manusia dan ahli keluarga terutama ibu dan ayah.
5- Belajar dari pengalaman mereka yang telah melalui pelbagai kepayahan hidup.

ISLAM MEMELIHARA AKAL DAN MENGEMBANGKAN NYA

Di dalam Islam kita dapati banyak panduan yang mampu memelihara akal malah mengembangkannya sehingga ia mampu memberikan hasil terbaik. Berikut apa yang dapat disimpulkan tentang panduan Islam dalam membina akal dan memeliharanya:

1- Islam menolak sangkaan dan khayalan tetapi mementingkan fakta dan keyakinan.

2- Islam mementingkan ilmu dan kajian, bukan semata-mata menurut tanpa mengetahui mengapa dan bagaimana.
3- Menolak khurafat dan tahyul serta apa sahaja yang tidak mempunyai asas dalam agama dan juga logik akal.
4- Menggalakkan manusia mengkaji seluasnya alam ciptaan Allah SWT yang penuh dengan hikmah dan pengajaran serta manfaat.

KETENANGAN JIWA APABILA KEMBALI PADA AGAMA

Kembali pada agama bukan hanya semata-mata untuk mendapatkan ganjaran di akhirat. Namun kembali kepada agama membawa ketenangan dan keberkatan dalam kehidupan di dunia ini lagi sebelum menerima hasil di akhirat nanti.

Remaja yang menginginkan kejayaan di dunia tidak boleh mengabaikan tuntutan agama dalam hidupnya. Ini kerana kelak jiwanya akan kosong dan dirinya tidak mendapat ketenangan dan keberkatan dalam hidup. Hanya agama yang dapat membawa keseimbangan jiwa dan ketenangan hati.

Hidup kita yang silih berganti antara kegembiraan dan kesedihan tidak akan dapat kita lalui tanpa kembali kepada agama. Hanya keimanan yang dapat menjamin kita diberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Lihatlah bagaimana Rasulullah s.a.w. memuji kehidupan seorang mukmin dalam mengharungi hidup:

عَجَبًا لأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَاكَ لأَحَدٍ إِلاَّ لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَّاءُ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءُ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

Maksudnya:

Aku kagum dengan kehidupan seorang mukmin. Sesungguhnya setiap urusannya adalah kebaikan untuknya dan ini tidak akan diberi kepada sesiapa melainkan hanya pada mukmin. Jika dirinya mendapat kesenangan dia bersyukur maka itu menjadi kebaikan untuknya. Jika dirinya

ditimpa kesusahan dia bersabar maka itu menjadi kebaikan untuknya.

[Riwayat Muslim]

AKIBAT FIZIKAL DAN ROHANI TIDAK SEIMBANG

Di antara punca pelbagai masalah remaja masa kini antaranya ialah kerana tidak menjaga keseimbangan antara keperluan fizikal dan juga keperluan rohani.

MEMENUHI KEPERLUAN JASAD DAN FIZIKAL SEMATA-MATA

Mementingkan keperluan fizikal semata-mata seperti makan, minum, kegiatan luar dan sebagainya dan melupakan keperluan rohani akan melahirkan remaja yang tidak memiliki kekuatan dalaman. Remaja sebegini akan mudah tunduk pada cabaran, tidak sabar dalam menempuh ujian, tidak prihatin kepada masalah yang melanda masyarakat dan tidak mengendahkan soal halal, haram dan urusan agama. Ini amat merbahaya kerana remaja sebegini akan mementingkan kepuasan jasad dan fizikal semata-mata tidak kira ia dibenarkan atau dilarang.

Kita dapati masa kini remaja yang tidak seimbang kadangkala mampu melakukan pelbagai jenayah sedangkan mereka tahu itu adalah salah. Bahkan mereka bijak melakukan pelbagai perkara yang salah tanpa memikirkan kesannya pada diri dan orang lain. Apa sahaja yang diingini akan diusahakan walaupun dengan cara yang boleh membahayakan diri sendiri. Contoh mudah ialah gejala samseng atau pergaduhan. Gejala ini sememangnya merupakan contoh paling jelas bagaimana kekuatan fizikal disalah gunakan akibat jiwa dan rohani yang kosong dari panduan. Hati mereka sudah tidak ada rasa belas kasihan dan akal juga tidak lagi memberikan pertimbangan yang waras. Paling menyedihkan ialah gejala yang kerap berlaku dalam kalangan remaja ini kadangkala merosakkan kehidupan malah membawa kepada kecederaan teruk dan juga kematian.

*ROHANI SEMATA-MATA BUKAN PENYELESAIAN

Mementingkan akal dan rohani juga tidak akan mampu melahirkan remaja harapan bangsa dan agama. Semata-mata menumpukan terhadap rohani tanpa memberikan perhatian terhadap fizikal akan melahirkan remaja yang lemah, terdedah kepada banyak penyakit, tidak mampu bersaing secara fizikal dan mudah ditindas oleh sesiapa sahaja. Oleh itu amat digalakkan bagi remaja mengisi masa dengan mempelajari seni mempertahankan diri yang sesuai agar dapat menjaga diri jika berlaku situasi yang mencemaskan. Kesihatan juga perlu dijaga oleh para remaja. Jangan sampai mengabaikan kesihatan semata-mata kerana kuat belajar.

Ini menunjukkan betapa pentingnya seseorang remaja membahagikan hidupnya dengan bijak antara keperluan fizikal dan juga keperluan rohani. Keseimbangan seperti inilah yang telah melahirkan para pejuang dan manusia agung sepanjang zaman. Lihatlah para sahabat Nabi s.a.w. sebagai contoh. Mereka bukan sahaja manusia yang menjaga hubungan dengan Tuhan melalui ibadat, doa, zikir dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama mereka juga memiliki kekuatan fizikal yang mereka gunakan untuk mempertahankan kesucian Islam. Mereka diibaratkan seperti sebuah kata-kata indah:

رهبان الليل وفرسان النهار

Maksudnya:
Rahib (orang yang kuat beribadat) di malam hari dan pahlawan di siang hari.

DUNIA DAN AKHIRAT – AMBIL KEDUANYA!

Remaja masa kini perlu memahami bahawa matlamatnya ialah untuk menjadi yang terbaik di dunia dan juga akhirat. Jangan diabaikan dunia kerana ini tempat kita hidup. Jangan pula diabaikan akhirat kerana itulah tempat kita kembali. Di sini kita dapat memahami salah satu doa Rasulullah s.a.w.:

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ لِي دِينِيَ الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي وَأَصْلِحْ
لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَاشِي وَأَصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا
مَعَادِي وَاجْعَلِ الْحَيَاةَ زِيَادَةً لِي فِي كُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلِ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ

Maksudnya:
Wahai Tuhan, perbaikilah untukku agamaku yang menjadi pelindung urusanku, dan perbaikilah untukku duniaku tempat aku hidup, dan perbaikilah untukku akhiratku tempat aku kembali. Jadikanlah hidupku bertambah-tambah dengan segala kebaikan dan jadikanlah kematianku bebas daripada sebarang keburukan.

[Riwayat Muslim]

Oleh itu kita dapati di dalam Al-Quran terdapat beberapa ayat yang menjadi nasihat utama dalam memahami keperluan dunia dan akhirat secara bersama. Nasihat-nasihat ini ialah nasihat yang telah dituturkan oleh kaum Bani Israil kepada seorang hartawan malah jutawan di zaman itu iaitu – Qarun. Allah SWT telah mengabadikan nasihat-nasihat ini di dalam ayat-ayat berikut. Marilah kita hayati bersama:

إِنَّ قَٰرُونَ كَانَ مِن قَوْمِ مُوسَىٰ فَبَغَىٰ عَلَيْهِمْ ۖ
وَءَاتَيْنَٰهُ مِنَ ٱلْكُنُوزِ مَآ إِنَّ مَفَاتِحَهُۥ لَتَنُوٓأُ بِٱلْعُصْبَةِ
أُو۟لِى ٱلْقُوَّةِ إِذْ قَالَ لَهُۥ قَوْمُهُۥ لَا تَفْرَحْ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ
ٱلْفَرِحِينَ ﴿٧٦﴾ وَٱبْتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلْءَاخِرَةَ ۖ
وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنْيَا ۖ وَأَحْسِن كَمَآ
أَحْسَنَ ٱللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ ٱلْفَسَادَ فِى ٱلْأَرْضِ ۖ إِنَّ
ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ ٱلْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya:
Sesungguhnya Karun adalah termasuk kaum Musa, Maka dia bersikap melampau terhadap mereka, dan Kami telah menganugerahkan kepadanya perbendaharaan harta yang kunci-kuncinya sungguh berat dipikul oleh sejumlah orang yang kuat-kuat. (Ingatlah) ketika kaumnya berkata kepadanya: "Janganlah kamu terlalu bangga; Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang terlalu membanggakan diri".
Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.
[Surah al-Qasas – ayat 76 dan 77]

Abadikanlah nasihat ini untuk kita mendapat kejayaan di dunia dan akhirat:

1- Janganlah terlalu bangga.
2- Gunakanlah nikmat yang dimiliki untuk mencari kejayaan di akhirat.
3- Janganlah lupakan bahagian kita di dunia ini.
4- Sebarkanlah kebaikan kepada semua manusia.
5- Janganlah melakukan perkara yang merosakkan dan membinasakan.

Positif Menghadai Kegagalan

Tiada kejayaan yang datang dengan percuma. Terkadang kita temui kejayaan selepas penat berusaha sehingga hampir sahaja kita berputus asa. Terkadang juga kita dapati manusia hebat yang berjaya dalam hidup pada hakikatnya telah melalui pelbagai kegagalan sebelum menempa kejayaan. Itu lumrah dalam hidup. Untuk mencapai sesuatu yang hebat kita perlukan kesabaran dan antara kesabaran yang paling sukar ialah ketika mana kita menghadapi kegagalan.

ADAKAH KEGAGALAN TANDA KITA DIBENCI ALLAH ?

Sebagai seorang muslim, kita perlu memahami hakikat kehidupan menurut kaca mata Islam. Ada sebahagian yang menganggap bahawa hidup yang indah tanpa kegagalan dan ujian itu adalah tanda Allah SWT sayangkan kita. Manakala kegagalan dan kesusahan hidup pula adalah lambang kebencian Allah SWT. Adakah ini benar? Mari kita renungkan bersama ayat di bawah bagi mencari jawapan terhadap persoalan ini:

فَأَمَّا ٱلْإِنسَٰنُ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ رَبُّهُۥ فَأَكْرَمَهُۥ وَنَعَّمَهُۥ
فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَكْرَمَنِ ﴿١٥﴾ وَأَمَّآ إِذَا مَا ٱبْتَلَىٰهُ فَقَدَرَ
عَلَيْهِ رِزْقَهُۥ فَيَقُولُ رَبِّىٓ أَهَٰنَنِ ﴿١٦﴾ كَلَّا

Maksudnya:

Adapun manusia apabila Tuhannya mengujinya lalu dia dimuliakanNya dan diberiNya kesenangan, Maka dia akan berkata: "Tuhanku Telah memuliakanku".
Adapun bila Tuhannya mengujinya lalu membatasi rezekinya Maka dia berkata: "Tuhanku menghinakanku. Sekali-kali tidak (demikian).
[Surah al-Fajr, ayat 15-17]

Jelas dari ayat di atas kita dapati bahawa perkara yang tidak kita sukai berupa musibah, kegagalan, keperitan dan kepayahan bukanlah bermakna Allah SWT tidak menyukai kita. Mari kita lihat satu ayat lagi yang mungkin menambahkan kefahaman kita bahawa sememangnya asam garam kehidupan merupakan satu ujian dari Allah SWT ke atas kita:

كُلُّ نَفْسٍ ذَآئِقَةُ ٱلْمَوْتِ ۗ وَنَبْلُوكُم بِٱلشَّرِّ وَٱلْخَيْرِ فِتْنَةً ۖ
وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

Dan tiap-tiap jiwa akan merasai kematian, dan Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan juga kebaikan, sebagai satu ujian dan kepada Kami kamu semua akan kembali.
[Surah al-Anbiyaa' – ayat 35]

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah SWT akan menguji manusia dengan kesenangan dan kesusahan. Apabila Allah SWT menguji kita dengan kesenangan dan kenikmatan, ada di kalangan manusia yang bersyukur tetapi ada juga yang tidak menghargainya. Begitu juga apabila Allah SWT menguji manusia dengan sedikit kesusahan dan kepayahan atau kegagalan, ada di kalangan mereka yang bersabar dan menerimanya dengan positif, namun ramai juga yang tidak bersabar dan menghadapinya dengan sikap yang negatif. Itulah ujian kehidupan.

Maka sebagai manusia, remaja juga kerap diuji dalam menempuh kehidupan. Jika anda pernah menghadapi kegagalan, sama ada kegagalan secara khusus dalam pengajian dan pembelajaran, atau kegagalan dalam aspek kehidupan yang lain, ketahuilah dan ingatlah 2 perkara berikut:

DUA KONSEP ASAS MEMAHAMI KEGAGALAN

Pertama – kegagalan yang anda hadapi bukanlah bermaksud anda tidak disayangi oleh Allah SWT. Lihatlah kehidupan dan sejarah para Nabi dan Rasul serta orang-orang yang hidup selepas mereka. Terkadang mereka menemui jalan buntu tetapi mereka tetap tidak berputus asa. Bayangkan anda berada di tempat Nabi Musa a.s. ketika mana dikejar oleh Firaun dan tenteranya yang ramai sehingga ke tebing Laut Merah. Adakah Nabi Musa a.s. berputus asa kerana gagal untuk mencari jalan keluar? Tidak sama sekali! Lihatlah keazaman Nabi Musa a.s. ketika itu:

فَأَتْبَعُوهُم مُّشْرِقِينَ ﴿٦٠﴾ فَلَمَّا تَرَٰٓءَا ٱلْجَمْعَانِ قَالَ

أَصْحَٰبُ مُوسَىٰٓ إِنَّا لَمُدْرَكُونَ ﴿٦١﴾ قَالَ كَلَّآ ۖ إِنَّ مَعِىَ

Maksudnya:
Maka Fir'aun dan bala tentaranya dapat mengikuti mereka di waktu matahari terbit. Maka setelah kedua golongan itu saling melihat, berkatalah pengikut-pengikut Musa: "Sesungguhnya kita benar-benar akan ditawan". Musa menjawab: "Sekali-kali tidak akan ditawan; Sesungguhnya Tuhanku besertaku, kelak dia akan memberi petunjuk kepadaku".
[Al-Syu'araa' – ayat 60 hingga 62]

Kedua – kegagalan yang menimpa diri anda bukanlah bermakna anda tidak lagi boleh bangkit. Kegagalan ini bukanlah pengakhir atau penamat segalanya. Dunia masih belum kiamat. Anda ada banyak masa untuk bangkit dari kegagalan itu. Ambillah pengajaran daripada kisah hijrah Rasulullah s.a.w. bersama para sahabat. Para musuh Islam seakan bergembira kerana seolah-olah mereka telah berjaya mengalahkan umat Islam sehingga umat Islam keluar dari Mekah mencari penempatan baru. Tetapi lihatlah apa yang berlaku beberapa tahun selepas itu. Umat Islam telah berjaya membangunkan Madinah dan akhirnya menawan kembali Mekah dari tangan orang-orang kafir Quraisy. Bayangkan betapa sedihnya hati Rasulullah s.a.w. tatkala Baginda seperti diusir dan dipaksa meninggalkan kampung halamannya, Mekah. Lihatlah kesedihan Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang disabdakan Baginda ketika berjalan keluar meninggalkan Mekah:

مَا أَطْيَبَكِ مِنْ بَلَدٍ وَأَحَبَّكِ إِلَيَّ وَلَوْلاَ أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكِ مَا سَكَنْتُ غَيْرَكِ

Maksudnya:
Engkau tempat terbaik, engkau negeri yang paling aku kasihi. Dan jika tidak kerana kaummu mengusirku darimu, aku pasti tidak akan tinggal di tempat selainmu.
[Riwayat Al-Tirmidzi]

Namun begitu, adakah Rasulullah s.a.w. terus bersedih dan berputus asa? Tidak sama sekali! Baginda tetap teruskan hidup dan berusaha di samping tidak putus berdoa kepada Allah SWT.

PUTUS ASA BUKAN PENYELESAIANNYA

Di dalam Al-Quran terdapat ayat yang amat sesuai untuk dibacakan kepada mereka yang berfikir untuk berputus asa apabila menerima kegagalan. Mari kita renungi bersama nasihat Nabi Ya'qub kepada anak-anaknya suatu masa dahulu:

يَٰبَنِيَّ ٱذْهَبُوا۟ فَتَحَسَّسُوا۟ مِن يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَا۟يْـَٔسُوا۟ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ لَا يَا۟يْـَٔسُ مِن رَّوْحِ ٱللَّهِ إِلَّا ٱلْقَوْمُ ٱلْكَٰفِرُونَ

Maksudnya:
Hai anak-anakku, pergilah kamu, Maka carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya dan jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir".
[Yusuf – ayat 87]

RAMAI YANG BERJAYA SELEPAS GAGAL

Mungkin anda tidak menyedari hakikat ini. Tetapi dengan pembacaan dan perkongsian pengalaman dengan orang lain, pasti anda akan dapati tidak sedikit yang berjaya selepas melalui kegagalan bahkan kegagalan demi kegagalan.

Anda kenal Thomas Edison? Beliau bukan sahaja seorang saintis terkemuka dan ahli perniagaan yang berjaya, tetapi beliau juga seorang yang amat penyabar. Mari kita pelajari bersama semangat dan kesabarannya melalui tiga pesanan beliau:

1- **"Many of life's failures are people who did not realize how close they were to success when they gave up."**

Maksudnya:
Kebanyakan manusia yang gagal ialah manusia yang tidak menyedari – ketika mereka berputus asa - betapa hampirnya mereka dengan kejayaan.

2- "Our greatest weakness lies in giving up. The most certain way to succeed is always to try just one more time."

Maksudnya:
Kelemahan kita yang paling besar terletak pada sikap berputus asa dan menyerah. Satu cara yang pasti untuk berjaya ialah sentiasa berusaha sekali lagi.

3- "Genius is one percent inspiration, ninety-nine percent perspiration."

Maksudnya:
Kecerdikan ialah satu peratus inspirasi (anugerah) dan sembilan puluh sembilan peratus ketahanan (kesabaran).

Masih ingatkah anda apakah antara ciptaan yang berguna dibuat oleh Thomas Edison? Ya, beliau merupakan saintis yang berjaya mencipta mentol lampu yang pertama di dunia. Tetapi untuk mencipta mentol sekecil itu, Thomas Edison telah gagal beratus malah beribu kali. Usahanya asyik menemui jalan buntu dan kegagalan. Tapi akhirnya, beliau berjaya juga dan beliau dikenang sepanjang zaman di atas jasanya itu. Apa rahsia kejayaannya? Bangkit dari kegagalan!

DUA SIKAP – POSITIF DAN NEGATIF

Dalam berdepan dengan kegagalan dan kebuntuan, sikap manusia seringkali terbahagi kepada dua:

a) Manusia positif
b) Manusia negatif

- Manusia positif akan melihat kegagalan sebagai satu pengajaran untuk dirinya lebih maju tetapi manusia negatif melihat kegagalan sebagai dinding penghalang untuk dirinya maju.
- Manusia positif akan melihat kegagalan sebagai satu cabaran tetapi manusia negatif akan melihat kegagalan sebagai satu penghinaan dan titik noktah.
- Manusia positif akan segera melupakan kegagalan dan mencari peluang baru untuk memperbaiki diri tetapi manusia negatif akan menjadikan kegagalan sebagai mimpi ngeri setiap malam.
- Manusia positif menganggap kegagalan sebagai satu peringatan tetapi manusia negatif menganggap kegagalan ibarat satu sumpahan yang selamanya melekat pada dirinya.

BAGAIMANA MENJADI SEORANG YANG POSITIF?

Seorang penulis bernama Remez Sasson di dalam tulisannya 'How To Be Positive' menyenaraikan beberapa langkah sebagai cadangannya untuk seseorang itu membina sikap positif dalam diri. Di antaranya adalah seperti berikut:

i) Berikan tumpuan kepada sesuatu yang anda ingin dan bukan sesuatu yang anda tidak ingini.
ii) Fikirkan tentang perkara-perkara baik yang telah anda miliki dalam hidup.
iii) Sentiasa beritahu diri bahawa 'saya boleh', 'saya mampu' dan sebagainya.
iv) Membaca tentang manusia yang berjaya dan kisah-kisah kejayaan.

Di dalam laman web Think Simple Now, terdapat satu artikel yang menyenaraikan 6 cara untuk menjadi seorang yang positif dalam setiap situasi yang kita hadapi. Mari kita sama-sama hayati 6 perkara tersebut:

1- Alihkan pemikiran daripada perkara yang negatif kepada perkara yang positif atau perkara yang jauh dari situasi negatif yang kita hadapi. Ini memerlukan kita benar-benar kuat untuk mengawal pemikiran sendiri.

2- Cari pengajaran dan iktibar daripada setiap situasi negatif. Sudah pasti setiap peristiwa ada hikmahnya yang tersendiri.

3- Hargai dan syukuri apa yang telah kita miliki dalam hidup ini. Terkadang kita terlalu berfikir tentang apa yang kita tidak miliki sehingga kita lupa apa yang kita ada.

4- Sentiasa membayangkan diri menempa kejayaan dan berada dalam situasi positif. Sikap ini amat membantu dan boleh dilakukan bila mana kita mempunyai masa lapang. Juga kita perlu mengenal pasti kekuatan dan kebolehan yang kita miliki. Jangan hanya memikirkan kelemahan.

5- Sentiasa memikirkan memori indah dan positif yang pernah kita lalui. Ia memang akan menimbulkan kembali semangat dan mendatangkan keinginan untuk memajukan diri.

6- Ubah sikap mencari kelemahan atau perkara negatif kepada mencari kekuatan dan perkara positif dalam setiap situasi atau setiap manusia.

Jika anda ingin menjadi remaja yang hebat, jangan lupa mantapkan kemahiran berkomunikasi dalam diri anda. Remaja, sebagaimana anggota masyarakat yang lain perlu dibimbing agar daya komunikasi dalam dirinya dapat dikembangkan dan dimantapkan. Ini disebabkan remaja akan bertemu dengan pelbagai karakter dan situasi dalam kehidupan yang memerlukannya untuk berinteraksi dengan pihak lain dengan positif.

Apa maksud komunikasi berkesan dan mantap?

ANDA TIDAK KESEORANGAN DI MUKA BUMI INI

Sebagai remaja, anda akan bertemu dengan pelbagai ragam manusia. Ada yang membuat anda selesa dan tidak kurang juga ada yang akan membuatkan anda gelisah. Apakah dengan mudahnya remaja dapat mengawal diri dalam menghadapi situasi-situasi hidup yang pelbagai? Bolehkah remaja yang hebat menyediakan dirinya dengan keperluan yang sesuai untuk menangani setiap watak manusia yang ditemuinya?

Anda hidup bersama manusia lain di dunia ini. Menurut Al-Quran, kepelbagaian puak, bangsa dan ragam manusia bukanlah sesuatu yang negatif. Malah Al-Quran menyatakan bahawa ia merupakan sebahagian daripada hikmah dan faedah yang bakal dinikmati oleh kita. Firman Allah SWT:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن ذَكَرٍ وَأُنثَىٰ وَجَعَلْنَٰكُمْ شُعُوبًا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓا۟ ۚ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِندَ ٱللَّهِ أَتْقَىٰكُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Wahai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara manusia ialah orang yang paling bertaqwa. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

[Surah al-Hujurat – ayat 13]

Apa yang menarik dapat diambil daripada ayat ini ialah bagaimana Allah SWT meletakkan hikmah penciptaan manusia yang pelbagai bangsa dan jenis ialah – saling kenal-mengenal. Dengan saling mengenali, akan berlakulah pertukaran pelbagai aspek – ilmu, pengalaman, kekayaan, teknologi dan sebagainya. Namun ayat ini tetap menegaskan bahawa – sebaik-sebaik manusia di sisi Allah SWT ialah orang yang bertaqwa. Inilah yang perlu dihayati oleh remaja dalam berinteraksi dan berkomunikasi dalam masyarakat.

JIKA ANDA BIJAK DALAM BERKOMUNIKASI...

Terlalu banyak manfaat dan faedah yang boleh diperolehi daripada komunikasi yang berkesan dan mantap.:

1- Mengurangkan krisis yang biasanya akan menganggu proses kehidupan. Ini bukan bukanlah bermakna anda dapat menghilangkan terus sebarang krisis dan pergeseran. Namun dengan komunikasi berkesan, masalah dapat dikurangkan.

2- Menambahkan keyakinan dalam diri untuk lebih maju dan hebat. Kemahiran menangani pelbagai jenis dan sikap dalam masyarakat akan mewujudkan kekuatan dalaman.

3- Penyebaran maklumat akan berlaku dengan luas. Begitu juga jika anda berdakwah, maka dakwah akan lebih berkesan dan tersebar.

4- Dengan komunikasi berkesan, anda dapat menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Mereka yang bermasalah amat memerlukan sikap memahami dan dengan komunikasi berkesan, ini dapat meringankan beban dan membuka ruang untuk membantu.

5- Berkongsi kegembiraan dan kejayaan bersama seramai mungkin anggota masyarakat. Komunikasi mantap mampu menjadikan matlamat ini sebagai satu kenyataan.

TIPS KOMUNIKASI BERKESAN

1- Sentiasa berusaha menambahkan ilmu dan maklumat. Mereka yang bijak dalam berkomunikasi kebiasaannya memiliki pelbagai maklumat dan pengetahuan. Inilah yang membantu dirinya untuk memperbaiki tahap interaksi dan komunikasi dan meningkatkannya.

2- Mengawal emosi ketika berdepan dengan situasi yang sukar. Kebiasaannya remaja akan cepat 'naik darah' dan 'hilang pertimbangan'. Namun begitu dengan latihan yang berfokus, remaja akan berjaya menangani emosinya dengan baik.

3- Membiasakan diri dengan kata-kata yang positif dan baik. Jangan selalu membiasakan diri menyebut kata-kata kesat dan negatif. Dibimbangi kata-kata negatif itu akan bertukar menjadi tabiat yang sukar dibuang.

4- Belajar mendengar dari pihak kedua. Jangan asyik dan ghairah menyampaikan apa yang ada pada kita sehingga tidak memberi peluang orang lain pula untuk menyampaikan hasratnya.

5- Sentiasa belajar daripada pakar-pakar dalam komunikasi berkesan dengan membaca buku-buku berkaitan atau mendengar perbincangan dan ceramah berkaitan komunikasi.

6- Mendalami ilmu tentang bahasa yang anda gunakan. Ini kerana kekuatan dan kemahiran anda berbahasa amat membantu anda memilih cara komunikasi berkesan.

7- Komunikasi bukan hanya dengan bahasa, tetapi ada juga komunikasi yang anda lakukan tanpa berkata-kata. Mimik

muka, gaya badan dan isyarat fizikal juga perlu diawasi agar ia selari dengan tujuan komunikasi.

BERKOMUNIKASI MENGIKUT ARAS YANG SESUAI

Seorang sahabat Nabi s.a.w. yang bernama Abdullah Bin Mas'ud pernah memberikan pesanan yang amat penting untuk kita sama-sama amalkan ketika berkomunikasi dengan seseorang atau segolongan manusia. Beliau berkata:

مَا أَنْتَ بِمُحَدِّثٍ قَوْمًا حَدِيثًا لاَ تَبْلُغُهُ عُقُولُهُمْ إِلاَّ كَانَ لِبَعْضِهِمْ فِتْنَةً

Maksudnya:
Tidaklah kamu memperkatakan sesuatu yang tidak difahami oleh segolongan manusia, melainkan ia akan menjadi fitnah ke atas sebahagian mereka.

[Riwayat Muslim]

Apa maksud Abdullah Bin Mas'ud dengan nasihat di atas? Beliau ingin menasihatkan kepada sesiapa sahaja yang ingin berkomunikasi dengan segolongan manusia agar memilih 'aras' bahasa yang sesuai agar difahami. Contoh mudah ialah anda ingin bercakap tentang 'kemerdekaan' pada dua kumpulan – satu kumpulan pelajar-pelajar sekolah rendah dan satu lagi kumpulan ialah sekumpulan guru. Adakah anda akan bercakap dengan nada, maklumat dan aras bahasa yang sama? Sudah pasti tidak. Apa akan terjadi jika anda gunakan aras bahasa guru kepada pelajar dan sebaliknya? Hasilnya amat jelas – maklumat tidak akan sampai dan komunikasi anda akan gagal.

JANGAN BERHENTI MENCUBA

Mungkin anda akan berkata – "saya dah cuba…tapi kebanyakan komunikasi saya tidak berkesan. Saya tidak cukup ilmu, tidak petah bercakap, tidak sabar mendengar, gagal menarik perhatian dan sebagainya". Siapa kata anda akan berjaya dengan hanya sekali dua

mencuba?

Saya pernah diberitahu oleh sahabat saya tentang kehebatan Barrack Obama, Presiden Amerika Syarikat dalam menyampaikan ucapan dan berceramah. Sememangnya apabila saya membuka ucapan-ucapan beliau dalam bentuk video melalui internet, saya dapati sememangnya beliau amat petah dan yakin dalam menyampaikan idea. Adakah kita menyangka bahawa beliau secara tiba-tiba menjadi hebat tanpa latihan dan masa yang panjang? Sudah pasti beliau melalui pelbagai kesusahan dan kepayahan untuk mencapai tahap itu. Dengan pengalamannya dalam politik dan latar belakangnya yang menguasai pelbagai ilmu, barulah beliau dapat menjadi seorang yang sehebat sekarang.

PENUTUP

Kami berharap agar buku ini dapat membantu para pembacanya khususnya para remaja untuk mengatur hidupnya supaya lahir dalam diri mereka rasa yakin pada kemampuan diri. Mereka seharusnya positif bahawa mereka mampu untuk menjadi 'HEBAT' di dalam alam penuh cabaran ini. Apa yang kami harapkan bukanlah perkara mustahil, malah ia amat mungkin untuk dicapai dan remaja perlu sedar bahawa telah ramai remaja yang telah menjadi 'HEBAT'...

ANDA BILA LAGI??

Kami doakan dan anda usahakan!

Sekian untuk kali ini.

10 TONGGAK Remaja Hebat

Sulaiman Bin Hassim

- Lahir di Teluk Intan, Perak.
- Pendidikan Menengah : SMK Izzuddin Shah, Ipoh dan Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS).
- Sarjana Muda Pendidikan Bimbingan & Kaunseling, UPSI, Perak.
- Kaunselor Sekolah Menengah sejak 1997.

Adlan Bin Abd. Aziz

- Lahir di Kota Sarang Semut, Pendang, Kedah.
- Pendidikan Menengah : SMK Agama Kedah, Mergong.
- Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab, Universiti Al al-Bayt, Jordan.
- Bertugas dalam bidang pendidikan sejak 2003.
- Buku-buku yang pernah dihasilkan: 20 Persoalan Asas Tentang Hadis, Zikir & Doa Rasulullah s.a.w. Selepas Solat, Ramadhan & Rasulullah s.a.w., Kamus Bahasa Arab PMR.
- Panel di www.al-ahkam.net & pemudaiman.blogspot.com
Boleh dihubungi di alitantawi.blogspot.com

Sem.Malaysia RM 8.00
Sabah/Sarawak RM 9.00